

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 23/05/2019

Edisi / Muka Surat : Utara / 47

Tajuk : Tempah teksi guna aplikasi Call Me Cab

Tempah teksi guna aplikasi *Call Me Cab*

PULAU PINANG 22 Mei - Menyahut cabaran untuk bersaing dengan perkhidmatan e-hailing, pemandu teksi di negeri ini kini turut mempunyai aplikasi sendiri bagi membolehkan orang ramai menempah perkhidmatan mereka secara *online*.

Dikenali sebagai *Call Me Cab*, aplikasi itu dibangunkan dengan kerjasama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) dan persatuan teksi di seluruh negara termasuk Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Pemandu Kereta Sewa Negeri Pulau Pinang (PTAA).

Menariknya, negeri ini menjadi lokasi kedua pelancaran aplikasi khusus untuk pemandu teksi itu selepas diperkenalkan buat pertama kali di KLIA dan KLIA2 beberapa bulan lalu.

Yang Dipertua PTAA, Mohamad Shahimi Hadzri berkata, berbeza dengan aplikasi e-hailing lain, *Call*



CHOW KON YEOW menunjukkan aplikasi *Call Me Cab* selepas pelancarannya di pekarangan Kompleks Tun Abdul Razak, Georgetown, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

Me Cab mengenakan tambang pada harga tetap tanpa mengira cuti umum atau waktu puncak.

Katanya, kadar tambang minimum yang dikenakan adalah RM4 dengan tambahan RM1.40 untuk kilometer seterusnya sekali gus berpatutan dan mampu bersaing dengan tambang

perkhidmatan e-hailing lain.

Menurutnya, pengguna juga boleh memilih sama ada untuk menempah tiga kategori kenderaan berbeza mengikut kesesuaian mereka sama ada teksi bajet, MPV atau premium.

Paling utama, kata Mohamad Shahimi, aplikasi itu juga mampu

menghapuskan stigma yang mana perkhidmatan teksi di negeri ini mengenakan caj terlalu mahal memandangkan tambang teksi kini tidak lagi berdasarkan penggunaan meter atau tawar-menawar.

“Sejak dilancarkan sebulan lalu, kira-kira 500 daripada keseluruhan 2,000 pemandu teksi di negeri ini sudah mula menggunakan aplikasi ini untuk mendapatkan tempahan pelanggan.

“Sambutan yang diterima juga sangat menggalakkan dan kita berharap lebih ramai pemandu teksi dan pengguna di negeri ini sama-sama menyokong dengan menggunakan aplikasi ini sebagai pilihan pengangkutan awam mereka,” katanya dalam majlis pelancaran aplikasi itu di pekarangan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) di sini hari ini.

Aplikasi tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.